



30 September 2025
30 September 2025
P.U. (A) 347

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 2025

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2025.

Pindaan kaedah 2

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “bank yang diluluskan” takrif yang berikut:

‘ “dokumen pengenalan” ertinya—

(a) suatu kad pengenalan yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 [*Akta 78*]; atau

(b) suatu passport atau apa-apa bentuk dokumen pengenalan yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana kerajaan bagi tujuan perjalanan merentasi sempadan antarabangsa;’

(b) dengan memotong takrif “kad pengenalan”;

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan noktah di hujung takrif “suami atau isteri” dengan koma bernoktah; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif “suami atau isteri” takrif yang berikut:

‘ “tempoh yang ditetapkan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah peraturan 2 Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 2001 [P.U. (A) 409/2001].’.

Pemotongan kaedah 4

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 4.

Pemotongan kaedah 8

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 8.

Penggantian kaedah 9

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 9 dengan kaedah yang berikut:

“Pendaftaran sebagai majikan

9. (1) Suatu permohonan untuk mendaftar sebagai majikan di bawah subseksyen 41(1) Akta hendaklah dibuat dengan mengemukakan kepada Lembaga suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Selepas menerima permohonan di bawah subkaedah (1), Lembaga hendaklah mendaftarkan majikan itu dengan—

(a) memberikan suatu nombor rujukan kepada majikan itu;

(b) mengeluarkan suatu sijil pendaftaran kepada majikan itu;
dan

(c) mewujudkan suatu akaun dengan Kumpulan Wang berkenaan dengan majikan itu.

(3) Setiap majikan yang berdaftar di bawah kaedah ini hendaklah memaklumkan kepada Lembaga mengenai apa-apa perubahan maklumat dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perubahan maklumat itu.”.

Penggantian kaedah 11

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 11 dengan kaedah yang berikut:

“Pembayaran caruman oleh majikan

11. (1) Apa-apa caruman yang kena dibayar oleh majikan di bawah Akta berkenaan dengan semua pekerjaanya hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh yang ditetapkan bersama-sama dengan suatu notis pembayaran sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menolak pembayaran caruman di bawah subkaedah (1) jika:

- (a) amaun caruman yang dibayar adalah kurang daripada amaun yang dinyatakan dalam notis pembayaran itu;
- (b) maklumat yang dinyatakan dalam notis pembayaran itu adalah tidak lengkap atau tidak teratur; atau
- (c) Lembaga mendapati terdapat keadaan yang dipertimbangkan wajar atau perlu untuk menolak pembayaran itu.

(3) Lembaga hendaklah mengkreditkan caruman yang diterima ke dalam akaun pekerja yang berkenaan dan memberikan kepada majikan suatu penyata yang berhubungan dengan pengkreditan caruman itu.

(4) Jika seseorang majikan mendapati terdapatnya apa-apa kesilapan dalam penyata yang diberikan oleh Lembaga di bawah subkaedah (3), majikan itu hendaklah, dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan penyata itu, memaklumkan Lembaga secara bertulis berhubung dengan kesilapan itu.

(5) Lembaga tidak akan bertanggung terhadap apa-apa kesilapan dalam penyata yang diberikan oleh Lembaga di bawah subkaedah (3) jika tiada pemakluman dibuat mengikut subkaedah (4).

(6) Walau apa pun subkaedah (4), jika pemakluman yang berhubung dengan apa-apa kesilapan dikemukakan selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (4), Lembaga boleh membuat penyelarasan terhadap akaun pekerja yang berkenaan sebagaimana yang difikirkannya sesuai.”.

Penggantian kaedah 12

7. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 12 dengan kaedah yang berikut:

“Pendaftaran ahli Kumpulan Wang

12. (1) Pendaftaran sebagai ahli Kumpulan Wang boleh dibuat oleh—
- (a) seorang pekerja;
 - (b) majikan kepada seorang pekerja;
 - (c) mana-mana orang yang bukan majikan kepada seorang yang bukan pekerja, sama ada atau tidak mengikut pengertian Akta; atau
 - (d) mana-mana orang yang berhasrat untuk menjadi seorang ahli Kumpulan Wang,

dengan mengemukakan kepada Lembaga suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh, tanpa apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subkaedah (1), mendaftarkan mana-mana pekerja atau orang sebagai ahli Kumpulan Wang.”.

Penggantian kaedah 13

8. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 13 dengan kaedah yang berikut:

“Pengesahan pengenalan ahli Kumpulan Wang

13. (1) Bagi maksud pendaftaran di bawah subkaedah 12(1), seseorang itu hendaklah—

- (a) mengemukakan dokumen pengenalannya; dan
- (b) menurunkan cap ibu jarinya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga atau mengemukakan apa-apa bentuk pengenalan diri lain yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

(2) Bagi maksud pendaftaran di bawah subkaedah 12(2), Lembaga boleh menerima apa-apa dokumen, maklumat atau apa-apa bentuk pengenalan diri yang difikirkan sesuai oleh Lembaga untuk mengesahkan identiti orang itu.”.

Penggantian kaedah 14

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 14 dengan kaedah yang berikut:

“Kewajipan untuk mengemukakan butiran dan dokumen

14. (1) Mana-mana pekerja atau orang yang hendak didaftarkan di bawah kaedah 12 hendaklah mengemukakan segala butiran dan dokumen yang dikehendaki bagi maksud melengkapkan pendaftarannya sebagai ahli Kumpulan Wang.

(2) Mana-mana pekerja atau orang yang—

(a) gagal mengemukakan apa-apa butiran atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki di bawah subkaedah (1);

(b) enggan mengemukakan dokumen pengenalnya sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 13(1)(a);

(c) enggan meletakkan cap ibu jarinya atau mengemukakan apa-apa bentuk pengenalan diri lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 13(1)(b); atau

(d) enggan mengemukakan apa-apa dokumen, maklumat atau apa-apa bentuk pengenalan diri,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit.”

Penggantian kaedah 18

10. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 18 dengan kaedah yang berikut:

“Rekod ahli Kumpulan Wang yang tidak lengkap atau tidak tepat

18. (1) Sekiranya Lembaga berpendapat bahawa rekod ahli Kumpulan Wang yang dirujuk dalam kaedah 12 dan 13 adalah tidak lengkap atau tidak tepat atau cap ibu jari atau bentuk pengenalan diri lain tidak mencukupi

untuk mengenal pasti dengan jelas pekerja itu, Lembaga boleh memaklumkan majikan itu dan majikan itu hendaklah mendapatkan, melengkapkan dan mengemukakan kepada Lembaga, rekod ahli Kumpulan Wang itu yang mengandungi maklumat yang telah dikemas kini dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemakluman itu dibuat oleh Lembaga kepada majikan itu.

(2) Mana-mana majikan yang gagal mematuhi subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan.”.

Penggantian kaedah 23

11. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 23 dengan kaedah yang berikut:

“Penyata upah

23. Suatu penyata upah yang disediakan dan dikemukakan kepada setiap pekerja menurut subseksyen 42(1) Akta hendaklah mengandungi maklumat yang berikut—

- (a) nama penuh pekerja;
- (b) nombor keahlian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (c) jantina;
- (d) jenis dan nombor dokumen pengenalan;
- (e) tempoh bayaran upah;
- (f) amaun upah;
- (g) amaun bayaran lain;

- (h) amaun yang dipotong untuk caruman Kumpulan Wang;
- (i) nombor pendaftaran majikan;
- (j) amaun caruman majikan;
- (k) nama penuh majikan atau wakil majikan, tandatangannya dan tarikh penyata upah itu dikeluarkan; dan
- (l) dalam hal seorang pekerja yang bukan warganegara Malaysia, nombor pas kerja.“.

Penggantian kaedah 24

12. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 24 dengan kaedah yang berikut:

“Kewajipan majikan untuk menyediakan dan menyimpan daftar pekerja

24. (1) Suatu daftar pekerja yang disediakan dan disimpan menurut subseksyen 42(2) Akta hendaklah mengandungi maklumat yang berikut—

- (a) nama penuh pekerja;
- (b) nombor keahlian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (c) jantina;
- (d) tarikh lahir;
- (e) jenis dan nombor dokumen pengenalan dan, dalam hal seorang pekerja yang bukan warganegara Malaysia, termasuk tarikh tamat;
- (f) alamat tempat tinggal tetap;

- (g) pekerjaan;
- (h) tarikh mula bekerja;
- (i) tempoh bayaran upah;
- (j) amaun upah;
- (k) amaun bayaran lain;
- (l) amaun yang dipotong untuk caruman Kumpulan Wang;
- (m) amaun caruman majikan; dan
- (n) dalam hal seorang pekerja yang bukan warganegara Malaysia, jenis, nombor dan tarikh luput pas kerja.

(2) Dalam mana-mana prosiding undang-undang, daftar pekerja yang diperuntukkan di bawah subkaedah (1) hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang kewujudan dan kebenaran kandungannya bagi pendaftaran pekerja itu.”.

Pemotongan kaedah 25

13. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 25.

Penggantian kaedah 27

14. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 27 dengan kaedah yang berikut:

“Pembayaran caruman atau wang ke dalam Kumpulan Wang

27. Apa-apa pembayaran caruman atau wang oleh mana-mana orang ke dalam Kumpulan Wang hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga—

- (a) secara kediri—
 - (i) di mana-mana pejabat Lembaga atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga; atau
 - (ii) di mana-mana bank yang diluluskan;
- (b) melalui perantaraan elektronik;
- (c) melalui penghantaran elektronik; atau
- (d) mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.

Penggantian kaedah 28

15. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 28 dengan kaedah yang berikut:

“Majikan yang gagal membuat pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan

28. Jika mana-mana majikan gagal membayar apa-apa caruman sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya dalam tempoh yang ditetapkan dan Pemeriksa telah menaksir caruman yang kena dibayar oleh majikan itu, majikan itu hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu penyata tunggakan caruman dalam suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga bersama-sama dengan mana-mana caruman yang belum dibayar.”.

Penggantian kaedah 35

16. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 35 dengan kaedah yang berikut:

“Butir-butir penamaan

35. Mana-mana ahli Kumpulan Wang yang membuat penamaan menurut kaedah 34 hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu notis yang berhubungan dengan penamaan itu yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama penuh ahli Kumpulan Wang;
- (b) nombor dokumen pengenalan ahli Kumpulan Wang;
- (c) nama penuh orang atau nama institusi yang dinamakan;
- (d) nombor dokumen pengenalan orang yang dinamakan;
- (e) bahagian yang berkaitan dengan orang atau institusi yang dinamakan; dan
- (f) apa-apa butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga bagi maksud pengenalan orang atau institusi yang dinamakan.”.

Pindaan kaedah 41

17. Kaedah 41 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan subkaedah (7) dengan subkaedah yang berikut:

<p>“Ahli Kumpulan Wang yang bukan warganegara Malaysia dan akan meninggalkan Malaysia.</p>	<p>(7) Jika notis pengeluaran adalah dibuat atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang yang bukan warganegara Malaysia hendak meninggalkan Malaysia di bawah perenggan 54(1)(e) atau 70c(1)(c) Akta, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu notis pengeluaran bersama-sama dengan apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.”.</p>
--------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Dibuat 30 September 2025
[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld.4; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) Rules 2025**.

(2) These Rules come into operation on 1 October 2025.

Amendment of rule 2

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 2—

(a) by inserting after the definition of “approved bank” the following definition:

‘ “identification document” means—

(a) an identity card issued under the National Registration Act 1959 [*Act 78*]; or

(b) a passport or any form of valid document of identity issued by any government for the purpose of travel across international boundaries;’

(b) by deleting the definition of “identity card”;

(c) in the national language text, by substituting for the full stop at the end of the definition of “spouse” a semicolon; and

(d) by inserting after the definition of “spouse” the following definition:

‘ “prescribed period” has the meaning assigned to it under regulation 2 of the Employees Provident Fund Regulations 2001 [P.U. (A) 409/2001].’.

Deletion of rule 4

3. The principal Rules are amended by deleting rule 4.

Deletion of rule 8

4. The principal Rules are amended by deleting rule 8.

Substitution of rule 9

5. The principal Rules are amended by substituting for rule 9 the following rule:

“Registration as employer

9. (1) An application to register as an employer under subsection 41(1) of the Act shall be made by submitting to the Board a notice as determined by the Board.

(2) After receiving the application under subrule (1), the Board shall register such employer by—

- (a) assigning a reference number to such employer;
- (b) issuing a certificate of registration to such employer; and
- (c) establishing an account with the Fund in respect of such employer.

(3) Every employer registered under this rule shall notify the Board of any change of information within the period of fourteen days from the date of such change of information.”.

Substitution of rule 11

6. The principal Rules are amended by substituting for rule 11 the following rule:

“Payment of contributions by the employer

11. (1) Any contributions which is due by an employer under the Act in respect of all his employees shall be submitted to the Board within the prescribed period together with a notice of payment as determined by the Board.

(2) The Board may refuse the payment of contributions under subrule (1) if:

(a) the amount of contributions paid is less than the amount stated in the notice of payment;

(b) the information stated in the notice of payment is incomplete or not in order; or

(c) the Board discovers that there is a situation in which it is considered expedient or necessary to refuse the payment.

(3) The Board shall credit the contributions received into the account of the respective employee and provide the employer with a statement relating to the crediting of the contributions.

(4) If an employer discovers any error in the statement provided by the Board under subrule (3), the employer shall, within a period of one month from the date of receipt of the statement, notify the Board in writing in relation to the error.

(5) The Board shall not be liable for any error in the statement provided by the Board under subrule (3) if no notification is made in accordance with subrule (4).

(6) Notwithstanding subrule (4), where a notification relating to any error is submitted after the expiry of the period specified in subrule (4), the Board may make adjustments to the account of the respective employee as it deems fit.”.

Substitution of rule 12

7. The principal Rules are amended by substituting for rule 12 the following rule:

“Registration of member of the Fund

12. (1) The registration as a member of the Fund may be made by—

(a) an employee;

(b) the employer of an employee;

(c) any person not being an employer to a person not being an employee, whether or not within the meaning of the Act; or

(d) any person who intends to become a member of the Fund,

by submitting to the Board a notice as determined by the Board.

(2) The Board may, without any application being made under subrule (1), register any employee or person as a member of the Fund.”.

Substitution of rule 13

8. The principal Rules are amended by substituting for rule 13 the following rule:

“Verification of identity of member of the Fund

13. (1) For the purpose of registration under subrule 12(1), a person shall—

(a) produce his identification document; and

(b) affix his thumb impression in the manner as determined by the Board or provide any other form of self-identification as the Board thinks appropriate.

(2) For the purpose of registration under subrule 12(2), the Board may accept any document, information or any form of self-identification as the Board thinks appropriate to verify the identity of such person.”.

Substitution of rule 14

9. The principal Rules are amended by substituting for rule 14 the following rule:

“Duty to provide particulars and documents

14. (1) Any employee or person who is being registered under rule 12 shall provide all particulars and documents required for the purpose of completing his registration as a member of the Fund.

(2) Any employee or person who—

(a) fails to provide any particular or document as required under subrule (1);

(b) refuses to produce his identification document as required under paragraph 13(1)(a);

(c) refuses to affix his thumb impression or provide other form of self-identification as required under paragraph 13(1)(b); or

(d) refuses to provide any document, information or any form of self-identification,

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty ringgit.”.

Substitution of rule 18

10. The principal Rules are amended by substituting for rule 18 the following rule:

“Incomplete or inaccurate record of member of the Fund

18. (1) If in the opinion of the Board the record of the member of the Fund referred to in rules 12 and 13 is incomplete or inaccurate or the thumb impression or other form of self-identification is insufficiently clear to identify the employee, the Board may notify the employer and the employer shall obtain, complete and submit to the Board, the record of the member of the Fund containing the information which has been updated within the period of fourteen days from the date of notification made by the Board to the employer.

(2) Any employer who fails to comply with subrule (1) shall be guilty of an offence.”.

Substitution of rule 23

11. The principal Rules are amended by substituting for rule 23 the following rule:

“Statement of wages

23. A statement of wages prepared and furnished to each employee pursuant to subsection 42(1) of the Act shall contain the following information—

- (a) full name of employee;
- (b) Employees Provident Fund's membership number;
- (c) gender;
- (d) identification document type and number;
- (e) duration of the payment of wages;
- (f) amount of wages;
- (g) amount of other remunerations;
- (h) amount deducted for the Fund's contributions;
- (i) employer's registration number;
- (j) amount of employer's contributions;
- (k) full name of employer or employer's representative, his signature and date of issuance of the statement of wages; and
- (l) in the case of an employee who is not a Malaysian citizen, work permit number.”.

Substitution of rule 24

12. The principal Rules are amended by substituting for rule 24 the following rule:

“Duty of employer to prepare and keep register of employees

24. (1) A register of employees prepared and kept pursuant to subsection 42(2) of the Act shall contain the following information—

- (a) full name of employee;
- (b) Employees Provident Fund's membership number;
- (c) gender;
- (d) date of birth;
- (e) identification document type and number and, in the case of an employee who is not a Malaysian citizen, includes the date of expiry;
- (f) address of permanent residence;
- (g) occupation;
- (h) date of commencement of employment;
- (i) duration of the payment of wages;
- (j) amount of wages;
- (k) amount of other remunerations;
- (l) amount deducted for the Fund's contributions;
- (m) amount of employer's contributions; and
- (n) in the case of an employee who is not a Malaysian citizen, work permit type, number and the date of expiry.

(2) In any legal proceedings, the register of employees provided under subrule (1) shall be *prima facie* evidence of the existence and truth of contents of the registration of such employee.”.

Deletion of rule 25

13. The principal Rules are amended by deleting rule 25.

Substitution of rule 27

14. The principal Rules are amended by substituting for rule 27 the following rule:

“Payments of contributions or money into the Fund

27. Any payment of contributions or money by any person into the Fund shall be submitted together with a notice as determined by the Board—

(a) personally—

(i) to any of the Board’s office or at any other place as determined by the Board; or

(ii) to any approved bank;

(b) through an electronic medium;

(c) through an electronic transmission; or

(d) in any other manner as determined by the Board.”.

Substitution of rule 28

15. The principal Rules are amended by substituting for rule 28 the following rule:

“Employer who fails to make payment within the prescribed period

28. Where any employer fails to pay any contributions either wholly or partially within the prescribed period and the Inspector has assessed the

contributions due from the employer, the employer shall submit to the Board an arrears remittance statement in a notice as determined by the Board together with any outstanding contributions.”.

Substitution of rule 35

16. The principal Rules are amended by substituting for rule 35 the following rule:

“Particulars of nomination

35. Any member of the Fund who makes a nomination pursuant to rule 34 shall submit to the Board a notice relating to the nomination containing the following information:

- (a) full name of member of the Fund;
- (b) identification document number of member of the Fund;
- (c) full name of person or name of institution nominated;
- (d) identification document number of person nominated;
- (e) the share in respect of the person or institution nominated; and
- (f) any other particulars as the Board may require for the purpose of identification of the person or institution nominated.”.

Amendment of rule 41

17. Rule 41 of the principal Rules are amended by substituting for subrule (7) the following subrule:

- | | |
|------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| “Member of the Fund who is not a Malaysian citizen and is about to leave Malaysia. | (7) Where a notice of withdrawal is made on the ground that a member of the Fund who is not a Malaysian citizen is about to leave Malaysia under paragraph 54(1)(e) or 70c(1)(c) of the Act, |
|------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

such member of the Fund shall submit to the Board a notice of withdrawal together with any document as determined by the Board.”.

Made 30 September 2025

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld.4; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Chairman
Employees Provident Fund Board